

١١ - بَابُ الدُّعَاءِ لِلْمَرِيضِ بِالشِّفَاءِ عِنْدَ الْعِيَادَةِ

Bab (11): Mendoakan Orang Sakit Supaya Sembuh Ketika Melawatnya.

٣١٠٤ - حَدَّثَنَا هَارُونُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ حَدَّثَنَا مَكِّيُّ بْنُ إِبْرَاهِيمَ حَدَّثَنَا الْجُعَيْنِيُّ عَنْ عَائِشَةَ بِنْتِ سَعْدٍ أَنَّ أَبَاهَا قَالَ اسْتَكَثْتُ بِمَكَّةَ فَجَاءَنِي النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعُودُنِي وَوَضَعَ يَدَهُ عَلَى جَبْهَتِي ثُمَّ مَسَحَ صَدْرِي وَبَطْنِي ثُمَّ قَالَ اللَّهُمَّ اشْفِ سَعْدًا وَأَثِمُمْ لَهُ هِجْرَتَهُ.

3104 - Harun bin 'Abdillah⁹⁷ meriwayatkan kepada kami, katanya: Makki bin Ibrahim⁹⁸ meriwayatkan kepada kami, katanya: Al-Ju'aid⁹⁹ meriwayatkan kepada kami daripada 'Aaishah binti Sa'ad (bin Abi Waqqāsh r.a.),¹⁰⁰ bahawa

⁹⁷ bin Marwān al-Ĥammāl al-Baghdādī al-Ĥāfīz. Seorang perawi tsiqah. Riwayatnya terdapat di dalam Sahih Muslim dan kitab-kitab Sunan yang utama.

⁹⁸ al-Ĥanzhālī al-Balkhī al-Ĥāfīz. Abu as-Sakan adalah kunyahnya. Beliau meriwayatkan hadits daripada Yazid bin Abi 'Ubaid, Ja'far as-Shādiq dan ramai lagi orang-orang lain. Imam Bukhari, Yahya bin Ma'īn, Ibnu al-Mutsanna, Ibnu Bassyār dan lain-lain pula adalah antara orang yang meriwayatkan hadits daripadanya. Ad-Daraquthni dan lain-lain mengatakan beliau perawi tsiqah. Makki bin Ibrahim adalah salah seorang guru Imam Bukhari yang tertua. Paling banyak hadits-hadits tsulātsiyyāt Imam Bukhari diriwayatkan daripadanya, iaitu sebanyak 11 riwayat. Di dalam Sahih Bukhari hanya terdapat 22 hadits tsulātsiyyāt sahaja. Hanya daripada beberapa orang perawi sahaja Imam Bukhari meriwayatkan hadits-hadits tsulātsiyyātnya. Antara mereka ialah Makki bin Ibrahim dan Abu 'Aashim an-Nabīl. Menurut Ibnu Sa'ad, Makki bin Ibrahim meninggal dunia pada tahun 215 Hijrah.

⁹⁹ Beliau ialah al-Ju'aid bin 'Abdir Rahman bin Aus al-Kindi. Sesetengah 'ulama' berpendapat, nama datuknya ialah Uwais. Sesetengah yang lain pula berpendapat nama beliau (sendiri) ialah al-Ja'd, bukan al-Ju'aid. Beliau meriwayatkan hadits daripada as-Sā'ib bin Yazid, 'Aaishah binti Sa'ad, Yazid bin Khushaifah dan lain-lain. Sulaiman bin Bilal, Ĥaatim bin Isma'il, Yahya bin Sa'id al-Qatthān dan lain-lain pula adalah antara orang-orang yang meriwayatkan hadits daripadanya.

An-Nasaa'i dan Ibnu Ma'īn mengatakan beliau tsiqah. Ibnu Hibbaan menyenaraikan namanya dalam senarai Tabi'in yang tsiqāt. Di dalam at-Taqrīb Hafīz Ibnu Hajar berkata, "Tsiqah, dari thabaqah ke-5." Haditsnya diriwayatkan oleh Bukhari, Muslim, Abu Daud, Tirmidzi dan Nasaa'i. 'Ali bin al-Madīni berkata, "Malik tidak meriwayatkan apa-apa daripadanya." Kata as-Sāji, "Saya rasa kerana umurnya ketika itu masih terlalu kecil (muda)." Al-Ju'aid meninggal dunia pada tahun 144 Hijrah.

¹⁰⁰ 'Aaishah juga perawi tsiqah. Beliau sempat melihat enam orang daripada Ummahāt al-Mu'minīn (isteri-isteri Nabi s.a.w.). Riwayat-riwayatnya dikemukakan oleh

ayahnya berkata, aku telah jatuh sakit di Mekah, maka Nabi s.a.w. datang melawatku, Baginda meletakkan tangannya di atas dahiku, kemudian mengusap dada dan perutku sambil mengucapkan (doa),¹⁰¹ “Ya Allah, sembuhkanlah Sa’ad dan sempurnakanlah hijrahnya.”¹⁰²

Bukhari, Muslim, Abu Daud, Tirmidzi dan Nasaa’i. Beliau meninggal dunia pada tahun 117 Hijrah.

¹⁰¹ Terdapat beberapa lagi hadits yang menyatakan pelawat elok menyentuh pesakit atau mengusap mana-mana bahagian anggotanya. Antaranya ialah dua hadits berikut:
عَنْ أَبِي أُمَامَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: تَمَامُ عِيَادَةِ الْمَرِيضِ أَنْ يَضَعَ أَحَدُكُمْ يَدَهُ عَلَى جَبْهَتِهِ، أَوْ قَالَ: عَلَى يَدِهِ، فَيَسْأَلُهُ كَيْفَ هُوَ، وَتَمَامُ تَجَنُّبِكُمْ بَيْنَكُمْ الْمُصَافَحَةَ.

Bermaksud: Abu Umamah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: “Antara perkara yang menyempurnakan ziarah orang sakit ialah seseorang daripada kamu meletakkan tangannya di dahi pesakit, atau Baginda menyebut, di tangan pesakit, lalu ia bertanya bagaimana keadaannya. Dan antara yang menyempurnakan penghormatan di antara sesamamu ialah bersalaman.”

Hadits ini diriwayatkan oleh at-Tirmidzi. Walaupun ia dha’if, namun boleh saja dikemukakan sebagai syawahid bagi hadits-hadits lain yang memang sahih atau hasan tarafnya

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا عَادَ مَرِيضًا يَضَعُ يَدَهُ عَلَى الْمَكَانِ الَّذِي يَشْتَكِي الْمَرِيضُ، ثُمَّ يَقُولُ: «بِسْمِ اللَّهِ...»

Bermaksud: ‘Aaishah meriwayatkan, katanya: Rasulullah s.a.w. apabila melawat seseorang sakit akan meletakkan tangannya di tempat yang sakit, kemudian mengucapkan: بِسْمِ اللَّهِ dan seterusnya.

Hadits ini dikemukakan oleh Abu Ya’la dengan sanad yang hasan.

¹⁰² Sa’ad bin Abi Waqqāsh adalah salah seorang sahabat yang telah berhijrah dari Mekah ke Madinah. Rasulullah s.a.w. tidak senang kalau Sa’ad meninggal dunia di Mekah, tempat yang telah ditinggalkannya untuk berhijrah ke Madinah. Justeru, pahala hijrahnya mungkin berkurang kerana itu. Ternyata Allah telah memakbulkan doa NabiNya, Sa’ad sembuh. Beliau hidup lama lagi selepas itu. Baru pada tahun ke-55 beliau meninggal dunia di Madinah, setelah berjaya mena’luki ‘Iraq dan seterusnya membangunkan bandar Kufah.

Kedudukan hadits ke-3104: Sahih. Ia diriwayatkan juga oleh al-Bukhari, Ahmad dan al-Baihaqi.

Imam Bukhari telah meriwayatkan hadits ‘Aaishah binti Sa’ad ini dengan lebih panjang lagi di dalam Sahihnya di bawah: باب وضع اليد على المريض (Bab Meletak tangan di atas pesakit), terus daripada Makki bin Ibrahim. Lihat teksnya di bawah ini:

حَدَّثَنَا الْمَكِّيُّ بْنُ إِبْرَاهِيمَ أَخْبَرَنَا الْجَعْفَرِيُّ عَنْ عَائِشَةَ بِنْتِ سَعْدٍ أَنَّ أَبَاهَا قَالَ تَشَكَّيْتُ بِمَكَّةَ شَكْوًا شَدِيدًا ، فَجَاءَنِي النَّبِيُّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - يَعُودُنِي ، فَقُلْتُ يَا نَبِيَّ اللَّهِ إِنِّي أَتْرُكُ مَالًا وَإِنِّي لَمْ أَتْرُكْ إِلَّا ابْنَةً وَاجِدَةً ، فَأَوْصِي بِنُلَّتِي مَا لِي وَأَتْرُكُ التَّلْثَ فَقَالَ « لَا » . قُلْتُ فَأَوْصِي بِالتَّلْثِ وَأَتْرُكُ

٣١٠٥- حَدَّثَنَا ابْنُ كَثِيرٍ قَالَ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ عَنْ مَنْصُورٍ عَنْ أَبِي وَائِلٍ عَنْ أَبِي مُوسَى الشَّعْرِيِّ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَطْعِمُوا الْجَائِعَ وَغُودُوا الْمَرِيضَ وَفُكُّوا الْعَانِي.

لَهَا الثَّلَاثِينَ قَالَ «الثَّلَاثُ وَالثَّلَاثُ كَثِيرٌ». ثُمَّ وَضَعَ يَدَهُ عَلَى جَبْهَتِهِ، ثُمَّ مَسَحَ يَدَهُ عَلَى وَجْهِهِ وَبَطْنِي ثُمَّ قَالَ «اللَّهُمَّ اشْفِ سَعْدًا وَأَتَمِّمْ لَهُ هِجْرَتَهُ». فَمَا زِلْتُ أَجِدُ بَرْدَهُ عَلَى كَبِدِي فِيمَا يُخَالُ إِلَيَّ حَتَّى السَّاعَةِ.

Bermaksud: 'Aaishah binti Sa'ad meriwayatkan bahawa ayahnya berkata, "Aku telah mengalami sakit yang teruk di Mekah. Nabi s.a.w. mengunjungiku. Aku berkata, "Wahai Nabiyyallah, sesungguhnya aku akan meninggalkan harta yang banyak, sedangkan aku hanya mempunyai seorang anak perempuan sahaja. Jadi bolehkah aku berwasiat dua pertiga daripada harta peninggalanku (untuk kebajikan), dan meninggalkan satu pertiga sahaja (untuk anak perempuanku)?" Jawab Nabi s.a.w., "Jangan". Aku berkata, "Kalau begitu, aku berwasiat separuh dan meninggalkan separuh?" Jawab Nabi s.a.w. (lagi), "Jangan". Kataku lagi, "Kalau begitu, aku berwasiat satu pertiga dan meninggalkan untuknya dua pertiga?" Kata Nabi s.a.w., "Satu pertiga, satu pertiga itu pun banyak". Kemudian Baginda meletakkan tangannya di atas dahi Sa'ad. Lalu mengusap tangannya itu di atas muka dan perutku sambil berdoa: "Ya Allah, sembuhkanlah Sa'ad, dan sempurnakanlah hijrahnya". Sampai sekarang aku masih lagi merasa kesejukan usapannya itu."

Di dalam satu riwayat Bukhari yang lain tersebut: ... ثُمَّ وَضَعَ يَدَهُ عَلَى جَبْهَتِي ... (Kemudian Baginda meletakkan tangannya di atas dahiku) dan seterusnya...

Panduan dan pedoman daripada hadits:

- (1) Hadits ini menunjukkan pelawat elok meletakkan tangannya di dahi pesakit dan mengusapnya hingga ke dada serta perutnya, jika keadaan memerlukan ia berbuat demikian, dan jika ia boleh (halal) berbuat begitu terhadap pesakit.
- (2) Pelawat yang berpengetahuan dan berpengalaman mungkin juga ada faedahnya melakukan begitu untuk mengesan penyakit atau mengetahui keadaan dan kedudukan pesakit.
- (3) Elok mendoakan kesembuhan pesakit dan keharusan menyebut namanya ketika berdoa.
- (4) Mengusap mana-mana bahagian badan pesakit atau menyentuhnya mengisyaratkan kepada keharusannya untuk beberapa tujuan berikut:
 - (i) Semata-mata menyatakan kemesraan dengan pesakit.
 - (ii) Mengetahui kadar sejuk panas badannya supaya dapat diambil tindakan sewajarnya selepas itu.
 - (iii) Memeriksa pesakit untuk mengesan penyakitnya supaya dapat diberikan ubat yang sesuai dengannya.
 - (iv) Sebagai menyempurnakan syarat ruqyah yang memang menghendaki pesakit diusap dan disapu badannya sebegitu.
 - (v) Tangan orang-orang shāleḥ dan doanya juga mempunyai keberkatan tersendiri, apa yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. seharusnya dijadikan sebagai ikutan dan tauladan, ia boleh dilakukan selagi tiada dalil yang mengkhususkannya dengan Baginda s.a.w.

3105 – (Muhammad) Ibnu Katsir¹⁰³ meriwayatkan kepada kami, katanya: Sufyan¹⁰⁴ meriwayatkan kepada kami daripada Manshur (bin al-Mu'tamir) daripada Abi Wā'il (Syaqīq bin Salamah) daripada Abi Musa al-Asy'ari, katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda, "Berilah makan kepada orang yang lapar,¹⁰⁵ melawatlah orang yang sakit,¹⁰⁶ dan bebaskanlah orang tawanan."¹⁰⁷

¹⁰³ al-'Abdi al-Bashri. Abu 'Abdillah adalah kunyahnya. Beliau meriwayatkan hadits daripada saudaranya Sulaiman, Sulaiman lima puluh tahun lebih tua daripadanya. Selain itu, beliau juga meriwayatkan hadits daripada Syu'bah, ats-Tsauri, Ibnu 'Uyainah, Ibrahim bin Nāfi' al-Makki, Hammām dan lain-lain. Bukhari, Abu Daud, adz-Dzuhli dan lain-lain pula adalah antara tokoh-tokoh yang meriwayatkan daripadanya. Muhammad bin Katsir adalah seorang perawi tsiqah lagi ilmunan. Beliau meninggal dunia ketika berumur 90 tahun pada tahun 223 Hijrah.

¹⁰⁴ Sama ada ats-Tsauri atau Ibnu 'Uyainah, kedua-duanya adalah murid Manshūr bin al-Mu'tamir dan guru Muhammad bin Katsir.

¹⁰⁵ Perintah memberi makan kepada orang yang lapar itu sunat hukumnya, selama orang yang lapar itu tidak sampai ke peringkat terdesak atau dharurat. Kalau sudah sampai ke peringkat dharurat, maka wajib kifā'i hukumnya jika lebih dari seorang dari kalangan orang-orang kaya atau orang-orang senang mengetahui tentangnya. Dalam keadaan hanya seorang yang kaya atau senang sahaja mengetahui tentangnya pula maka hukumnya wajib 'aini.

¹⁰⁶ Perintah melawat orang sakit pula menurut Ibnu Batthaal, mungkin memberi erti wujub kifā'i atau fardhu kifayah dan mungkin juga ia hanya memberi erti sunat sahaja, sebagai galakan supaya berkasih sayang, tolong menolong, menjalinkan hubungan persaudaraan dan menggembirakan hati pesakit. Ad-Dāudi yakin ia memberi erti wujub kifā'i atau fardhu kifayah. Sementara jumhur 'ulama' pula berpendapat melawat orang sakit itu pada asalnya hanya sunat sahaja, tetapi boleh jadi kepada orang-orang tertentu ia sampai ke peringkat wajib 'aini (fardhu 'ain).

¹⁰⁷ Menurut jumhur 'ulama', perintah membebaskan orang tawanan itu fardhu kifayah hukumnya. Jika ia perlu ditebus dengan wang, maka wang Baitulmal boleh digunakan. Orang-orang Islam yang dipenjarakan secara zalim atau terperangkap dalam tahanan musuh juga perlu dibebaskan dengan apa cara sekalipun, termasuk dengan menggunakan wang dan juga kuasa pemerintahan.

Kedudukan hadits ke-3105: Sahih. Ia dikemukakan juga oleh Bukhari, Ahmad, an-Nasaa'i dan al-Baihaqi. Dengan sanad yang sama juga Imam Bukhari meriwayatkannya di dalam Sahihnya di bawah: **بَابُ قَوْلِ اللَّهِ تَعَالَى {كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ}**.

Memang benar kata pengarang al-Manhal bahawa hadits ke-3105 ini tidak sesuai berada di bawah tajuk bab ke-11 di atas. Kerana di dalamnya tidak tersebut langsung tentang mendoakan orang sakit supaya sembuh ketika melawatnya. Kata beliau, ia